

LAMPIRAN

RESOLUSI SIMPOSIUM PENDIDIKAN TAHFIZ AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS DARUL QURAN, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

14 resolusi telah dibacakan pada akhir sesi pembentangan pakar pada kali ini oleh YBhg. Profesor Dato' Dr. Zulkifli Bin Hj. Mohd. Yusoff, Timbalan Pengerusi II Simposium dan selaku penganjur bersama. Dalam simposium yang diadakan sempena sambutan Jubli Emas Darul Quran ini 35 orang pembentang kertas kerja yang mewakili 9 buah negara .Kertas-kertas kerja tersebut bertemakan metod pendidikan Tahfiz, pengukuhan hafazan,kesan hafazan, pembangunan institusi serta inovasi dalam pendidikan tahfiz. Resolusi yang dibentangkan untuk tindakan pihak-pihak berkepentingan dan ia dapat dirumuskan seperti berikut:

BIL.	RESOLUSI	KATA KUNCI	CADANGAN BAHAGIAN TERLIBAT
1.	Seorang penghafaz Al Quran yang berkualiti adalah seorang seorang yang dapat mengekalkan hafazan Al Quran sehingga mampu khatam Al Quran berkali-kali secara konsisten dan mampu mengimami solat tarawih 30 juzuk.Para huffaz juga digalakkan mengikuti program <i>lthbat, Jilsah Huffaz</i> dan musabaqah tahfiz agar hafazan mereka boleh diperkukuhkan	mengekalkan hafazan penghafaz al-Quran;	<ul style="list-style-type: none">- Darul Quran- Persatuan Hamalatul Quran- Kebangsaan

	lagi.		
2.	Penghafaz Al Quran adalah seorang yang mempraktikkan akhlak Al Quran dan mempunyai kemahiran berfikir secara global. Kesan hafazan Al-Quran dalam diri seorang penghafaz al-Quran meliputi 10 dimensi iaitu <i>Jasmani, Aqli, Iktiqadi, Ruhi, Nafsi, Khuluki, Ijtmai', Iradi, Jinsi dan Jamali.</i>	Kesan hafazan;	Bahagian Kemajuan Islam, Jakim, Bahagian Dakwah Jakim
3.	Antara penentu kejayaan yang mempengaruhi hafazan Al Quran adalah kaedah hafazan. Oleh itu satu kaedah hafazan Al Quran versi Malaysia boleh dibangunkan sebagai satu alternatif kepada kaedah sedia ada.	Satu kaedah hafazan al-Quran versi Malaysia boleh dibangunkan;	Darul Quran dengan Kerjasama Pusat Kajian al-Quran UM (CQR)
4.	Dalam usaha melahirkan para huffaz yang berkualiti, guru-guru tahfiz hendaklah memberi tumpuan dalam memelihara rukun-rukun hafazan	program pengukuhan hafazan di luar kelas;	Semua Institusi Tahfiz di Malaysia / Bahagian Pendidikan Jabatan

	<p>yang meliputi</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Hafazan ayat-ayat al-Quran yang baru. ii. Ulangan ayat-ayat yang baru dihafaz. iii. Ulangan ayat-ayat yang telah lama dihafaz. <p>Disamping itu guru-guru juga boleh melaksanakan program pengukuhan hafazan di luar kelas seperti program <i>mukhayyam hufaz, rehlah quraniah</i> dan sebagainya.</p>		Agama Islam Negeri
5.	<p>Memiliki sanad hafazan yang bersambung dengan Rasulullah saw merupakan nilai tambah kepada penghafaz Al Quran kerana ia menjamin kesahihan dan kualiti hafazan. Adalah dicadangkan penghafaz Al Quran boleh juga diberikan Sanad Tallaqi Hafazan Al Quran khususnya kepada penghafaz yang memiliki kualiti hafazan dan bacaan yang baik serta melakukan <i>iaadah</i> secara konsisten.</p>	<p>dianugerahkan Sijil Hafazan al-Quran;</p> <p>diberikan Sanad Talaqi Hafazan al-Quran;</p>	<p>Darul Quran</p> <p>Semua Persatuan Tahfiz Berdaftar (PERMATA, PITAS, PINTA)</p>

6.	Pengajaran dalam penghafazan Al Quran memerlukan juga guru-guru menguasai kemahiran pedagogi, oleh itu kursus-kurus yang berkaitan berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PdP) diterapkan kepada guru-guru tahfiz bagi melahirkan guru tahfiz yang terlatih dan berkelayakan.	kursus dan program yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi meningkatkan kemahiran guru tahfiz;	Bahagian Pembangunan Insan, Jakim, ILIM, UPSI dan Darul Quran
7.	Satu badan atau majlis perlu diwujudkan bagi menjaga kualiti penghafaz Al Quran serta membuat pengukuran tahap hafazan mereka. Badan ini juga boleh berperanan memberi gelaran kepada penghafaz Al Quran yang telah melepasi tahap pengukuran tertentu. Gelaran Al Hafiz yang digunakan oleh masyarakat masa kini perlu dikaji semula kesesuaiannya berbanding dengan gelaran lain seperti Al Qari atau Al Muqri.	Satu badan atau majlis perlu diwujudkan bagi menjaga kualiti penghafaz al-Quran serta membuat pengukuran tahap hafazan mereka;	Darul Quran
8.	Kurikulum tahfiz Al Quran peringkat pengajian tinggi perlu diselaraskan agar wujud kesepaduan antara ilmu	Kajian berterusan perlu dilakukan untuk menilai	Bahagian Kemajuan Islam, Institusi

	naqli dan aqli selain menerapkan kemahiran teknikal yang akan memberikan nilai tambah para huffaz. Kajian berterusan perlu dilakukan untuk menilai kesesuaian kurikulum tersebut.	kesesuaian kurikulum;	Pengajian Tinggi
9.	Satu badan penyelaras pentaksiran perlu diwujudkan agar satu bentuk pentaksiran yang dinamik dan sistematik dapat dihasilkan. Pewujudan badan ini boleh memberi impak yang lebih baik dalam mengawal kualiti hafazan penghafaz Al Quran yang akan membangunkan satu standard penilaian yang memiliki ciri-ciri kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.	satu badan penyelaras pentaksiran perlu diwujudkan;	Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Kemajuan Islam
10.	Institusi yang terlibat dalam pengurusan dan pelaksanaan bidang pengajian tahfiz Al-Quran perlu bersedia untuk berubah dan melakukan perubahan terutamanya dalam penggunaan Alat Bantuan Mengajar (ABM) , penggunaan teknologi masa kini dan dalam masa	Perubahan medium PdP;	Semua Institusi Tahfiz Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam

	yang sama tidak mengabaikan kebaikan alat dan kaedah tradisi.		Negeri
11.	Institusi tahfiz Al Quran juga hendaklah membuka peluang seluas-luasnya kepada segenap lapisan masyarakat untuk mengikuti pengajian Al Quran secara sambilan melalui penawaran program pengajian jarak jauh atau kursus-kursus singkat yang dengannya akan lahir <i>mujtama' qurani'</i> .	Perluaskan pengajian sepanjang hayat;	Semua Institusi Pendidikan tahfiz Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri
12.	Penyelidik bidang tahfiz Al Quran perlu melaksanakan kajian berkenaan hubungan bahasa Melayu dan bahasa Arab agar proses penghafazan dan pemahaman Al Quran di kalangan pelajar tahfiz akan dapat disepadukan. Selain itu kajian berkaitan kesan Al Quran terhadap manusia dari segi kecerdasan, kesihatan dan aspek-aspek lain perlu diterokai dengan lebih luas secara intensif.	Kajian :- hubungan bahasa Melayu dan bahasa Arab; kesan al-Quran terhadap manusia dari segi kecerdasan, kesihatan dan aspek-aspek lain perlu	Darul Quran dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan Jakim, CQR, UM dan Bahagian Penerbitan

		diterokai dengan lebih luas secara intensif;	
13.	<p>Pihak kerajaan diharap akan terus komited dalam membangun dan memperkasakan bidang pengajian Tahfiz Al-Quran samaada di peringkat pengajian persekolahan mahupun pengajian tinggi. Usaha untuk menjadikan Darul Quran sebagai universiti hendaklah diteruskan agar dapat melahirkan lebih ramai huffaz profesional dalam pelbagai bidang. Sokongan dana yang berterusan, pemantapan sumber manusia oleh pihak kerajaan membolehkan prasarana dan perkhidmatan institusi tahfiz dipertingkatkan agar lebih ramai pelajar berpeluang mengikuti pengajian ini seterusnya hasrat dan matlamat Dasar Pendidikan Tahfiz Negara dapat direalisasikan.</p>	Komitmen kerajaan.	<p>Jabatan Perdana Menteri, Majlis / Yayasan Agama Islam Negeri-Negeri, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Kewangan</p>

14.	Demi untuk memartabatkan memajukan pendidikan tahfiz di negara ini program himpunan pakar tahfiz Al Quran perlu diadakan setiap tahun agar mereka dapat berbincang bagi memperkasa pengajian tahfiz Al Quran di Malaysia.	<p style="text-align: center;">Program Himpunan Pakar Tahfiz Al Quran</p> <p>(Konvensyen Tahfiz al-Quran peringkat Kebangsaan dan Simposium Tahfiz al-Quran merupakan antara platform perhimpunan pakar dalam bidang tahfiz yang akan dianjurkan oleh DQ dan Jakim)</p>	Darul Quran, Bahagian Dakwah, Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia, Majlis / Yayasan Agama Islam Negeri-Negeri
-----	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Adalah diharapkan semua pihak yang berkepentingan dalam bidang pendidikan tahfiz berusaha bersungguh-sungguh secara *amal jamaai* dalam memaju dan menjayakan pendidikan tahfiz Al Quran agar generasi penghafaz Al Quran dapat diperkasakan negara ini.